

Bahagian A
[40 markah]
Jawab semua soalan.

- 1 Dasar pemerintahan Jepun telah membawa perkembangan nasionalisme dalam kalangan penduduk Tanah Melayu.

(a) Nyatakan dua gerakan anti-Jepun yang bergiat aktif di Tanah Melayu.

i.

ii. [2 markah]

(b) Bagaimanakah dasar pemerintahan Jepun membawa perkembangan gerakan nasionalisme dalam kalangan penduduk tempatan di negara kita?

.....

.....

.....

.....

.....

..... [4 markah]

(c) Teliti poster berikut.



Pendudukan Jepun menyebabkan rakyat kekurangan bekalan makanan.

Cadangkan langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC).

“Kesamaan dan Keadilan untuk Penduduk Tanah Melayu”

- (a) Namakan anggota Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum.

i.

ii. [2 markah]

- (b) Jelaskan perkara berikut.

- i. Isu yang diselesaikan oleh CLC.

.....
.....
..... [2 markah]

- ii. Peranan CLC dalam menyelesaikan isu pada b (i).

.....
.....
..... [2 markah]

- (c) Permuafakatan menjamin keharmonian masyarakat.

Berikan ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 3 (a) Jelaskan konsep kedaulatan.

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (b) Terangkan jenis-jenis kedaulatan yang terdapat dalam sebuah negara yang berdaulat.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Perpaduan rakyat berbilang kaum merupakan keunikan negara kita dalam mempertahankan kedaulatan.
Berikan ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 4 Usul pembentukan Malaysia telah dibentangkan dan mendapat sokongan ahli Dewan Rakyat dan pelbagai cara dilakukan untuk merealisasikan pembentukan Malaysia.

(a) Apakah langkah yang diambil bagi menjayakan usaha pembentukan Malaysia?

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Jelaskan perkara di 4(a).

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]



(c) Teliti Misi Jabatan Perpaduan Negara berikut.

Mengukuh Perpaduan dan Keharmonian Negara Berasaskan
Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara

Bagaimanakah misi tersebut dapat dicapai oleh masyarakat di negara kita?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B
[60 markah]
Jawab tiga soalan sahaja.

- 5 (a) Perkembangan nasionalisme di Thailand berbeza daripada gerakan nasionalisme di negara lain di Asia Tenggara. Terangkan pernyataan tersebut.

[6 markah]

- (b) Huraikan perkembangan nasionalisme di Filipina.

[6 markah]

- (c) Baca maklumat dalam petikan berikut

KUALA LUMPUR - Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim bertitah supaya kerajaan mengambil tindakan tegas melalui saluran diplomatik, undang-undang dan pertahanan bagi memastikan hak kedaulatan serta kepentingan negara terus kekal terpelihara.

Selain itu, kerajaan perlu bijak dalam mengekalkan hubungan diplomatik dengan semua pihak dan meningkatkan kerjasama strategik dalam menangani isu-isu serantau serta sempadan negara. Malaysia juga perlu kekal tegas mendukung prinsip keamanan, menentang keganasan dan penindasan


Selain itu, selaras dengan peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun ini, negara ini menunjukkan keupayaan dalam memimpin dan menentukan hala tuju rantau Asia Tenggara.

Sumber diubahsuai.; <https://www.sinarharian.com.my/>
3 Februari 2025

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan dan bagaimana ketokohan pemimpin dapat mengekalkan kedaulatan negara

[8 markah]

- 6 Gambar menunjukkan anggota kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu yang dilantik selepas memenangi pilihan raya pada tahun 1955.



- (a) Jelaskan keanggotaan Majlis Perundangan Persekutuan 1948 dan Majlis Perundangan Persekutuan 1955

[4 markah]

- (b) Huraikan peranan Kabinet Pertama 1955.

[8 markah]

(c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

Pilihan raya ialah proses pemilihan barisan kepimpinan, juga sebahagian daripada penentu masa depan negara dan proses yang perlu disertai serta diraikan semua warganegara yang layak.

Peluang untuk membuat pilihan ini tidak boleh disia-siakan dan dalam konteks pemilihan kepimpinan bagi menggerakkan sistem demokrasi, pilihan raya juga kayu ukur kepada kejayaan atau kegagalan demokrasi.

Demokrasi seperti dikenali ramai ialah sistem berasaskan kepada pilihan yang dibuat oleh majoriti rakyat yang layak mengundi. Semakin tinggi jumlah pengundi yang melaksanakan tanggungjawab, semakin jelas sokongan terhadap barisan pemimpin yang dipilih.

Namun, semakin rendah jumlah pengundi melaksanakan tanggungjawab mereka untuk mengundi, semakin tidak jelas jumlah majoriti. Pada masa sama, kita juga amat memahami bahawa demokrasi mempunyai ideal dan prinsip mengenai kebebasan.

Sumber: <https://www.bharian.com.my>

28 April 2018

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.

[8 markah]

7 Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa yang luas dalam sistem pemerintahan negara kita.

(a) Bagaimanakah kedudukan Yang di-Pertuan Agong dalam Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan?

[4 markah]

(b) Jelaskan kuasa baginda dalam aspek berikut :

i. Kuasa Eksekutif

[4 markah]

ii. Kuasa Perundangan

[4 markah]

(c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

Konsep raja berpelembagaan bukanlah sesuatu yang baharu mahupun asing jika dilihat dalam konteks amalan demokrasi moden. Berbeza dengan konsep pemerintahan monarki mutlak, konsep raja berpelembagaan menjamin kedudukan dan kuasa raja di bawah perlembagaan sesebuah negara tersebut. Konsep pemerintahan raja berpelembagaan diguna pakai di banyak negara di dunia pada hari ini, termasuklah di Britain, Jordan, Maghribi, Belanda, Sepanyol, Belgium, Sweden, Jepun, dan tidak ketinggalan juga di negara kita, Malaysia.

Institusi Yang di-Pertuan Agong adalah ciptaan yang dimuafakati oleh Raja-Raja Melayu menjelang pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957. Peranan Yang di-Pertuan Agong tidaklah terhad kepada badan eksekutif dan perundangan, malah turut meliputi fungsi berkaitan dengan badan kehakiman. Dalam hal ini, Perlembagaan Persekutuan menerusi Perkara 122B memperuntukkan bahawa baginda mempunyai kuasa untuk melantik hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi.

Baginda juga mempunyai hak untuk merujuk kepada Mahkamah Persekutuan bagi mendapatkan apa-apa pandangan berkenaan dengan mana-mana perkara yang berkaitan dengan peruntukan Perlembagaan. Dalam pada masa yang sama, baginda turut mempunyai kuasa untuk memberi keampunan, menunda hukum dan lega hukum terhadap sesuatu kesalahan seperti mana yang termaktub dibawa Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan.

Sumber ubah suai: <https://www.sinarharian.com.my/>
5 Februari 2024

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan dan kepentingan mengekalkan sistem raja berpelembagaan.

[8 markah]

- 8 Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang Wawasan 2020.


(a) Jelaskan strategi DPN.

[4 markah]

(b) Huraikan langkah kerajaan untuk mencapai matlamat DPN sehingga tahun 2000.

[8 markah]

(c) Poster berikut berkaitan Pertanian Pintar.



Sumber diubah suai: @mariimalaysia. (2020).
<https://www.instagram.com/p/CE6j1ZRAdM1/>

Berikan ulasan anda.

[8 markah]

9 Infografik berikut berkaitan hubungan ekonomi antarabangsa Malaysia.




(a) Terangkan peranan Malaysia dalam hubungan tersebut.

[6 markah]

(b) Huraikan wawasan Malaysia menuju masa depan.

[6 markah]

(c) Ilustrasi berikut menunjukkan pencemaran yang berlaku di negara kita.



Jelaskan kesan pencemaran tersebut dan cadangkan langkah-langkah untuk mengatasinya.

[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT